

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Kajian ini telah membincangkan mengenai topik-topik yang berkaitan dengan konsep qada' dan qadar serta beberapa isu yang berkaitan menurut pandangan Ibn al-Qayyim dalam kitabnya yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar*. Seterusnya, penulis akan merumuskan beberapa kesimpulan daripada segenap aspek perbincangan dalam kajian ini, bermula dari bab pertama hingga bab keempat. Kesimpulan dibuat agar setiap perbahasan dapat difahami dengan mudah dan tepat. Penulis kemudiannya, memberi beberapa saranan yang diharapkan agar dapat membantu kajian-kajian seperti ini agar menjadi lebih baik dan lengkap.

5.2 Kesimpulan

Hasil daripada penghuraian, perbahasan dan perbincangan dalam bab-bab yang sebelum ini, dapatlah penulis membuat beberapa kesimpulan. Penulis rumuskan kesimpulan-kesimpulan tersebut seperti berikut:

Ibn al-Qayyim merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang banyak mewarnai khazanah intelektual Islam dalam pelbagai ilmu pengetahuan khususnya bidang kajian Islam. Di samping itu, beliau juga memiliki wawasan yang luas, pemikiran yang tajam,

akhlak yang indah serta sikap berani dan tegas dalam memerangi kebatilan, menolak pihak-pihak yang dianggap menyimpang.

Kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar wa al-Ḥikmah wa al-Ta'līl* adalah merupakan karya daripada Ibn al-Qayyim dalam bidang akidah yang sangat bernas, bernilai dan memiliki beberapa keistimewaan yang perlu diambil manfaat oleh pembaca kitab ini, terutama dalam usaha untuk memberikan penjelasan mengenai konsep qada' qadar menurut al-Qur'an dan hadith serta isu-isu yang dibahaskan di dalamnya. Dalam menulis kitab *Shifā'*, Ibn al-Qayyim menggunakan metode pendalilan daripada al-Qur'an, hadith serta pendapat beberapa ulama sebelumnya seperti: Ibn Taymiyyah, al-Harawī, al-Wāsiṭī dan lain sebagainya. Beliau juga turut menghuraikan pandangan-pandangan beberapa kumpulan seperti kumpulan Qadariyah, Mu'tazilah dan Jabariyah berkaitan konsep qada dan qadar serta isu-isu yang dibahaskan di dalamnya dan mentarjih pendapat yang paling tepat.

Dalam membincangkan mengenai persoalan *iḥtijāj* manusia terhadap takdir yang ditetapkan Allāh, Ibn al-Qayyim secara tegas menolak pandangan kumpulan Qadariyah dan Mu'tazilah yang mengingkari hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan takdir. Ia juga menolak pandangan kumpulan Jabariyah yang menjadikan takdir sebagai hujjah (dalih) untuk melakukan maksiat dan kemushrikan. Pada pandangan beliau, *iḥtijāj* (berdalih) terhadap takdir hanya boleh ditujukan atas musibah sahaja. Kalau pun *iḥtijāj* terhadap takdir atas perbuatan dosa diperbolehkan, maka si pelaku dosa haruslah bertaubat terlebih dahulu.

Manakala dalam membincangkan mengenai persoalan penetapan takdir lebih awal, Ibn al-Qayyim menolak dakwaan orang yang beranggapan bahawa ia menafikan usaha dan amal. Justeru, penetapan takdir lebih awal dapat menjadikan manusia lebih

serius dan bersungguh-sungguh dalam berusaha dan beramal demi mencapai takdirnya, kerana pada pandangan beliau, takdir itu diwujudkan dengan sebab-sebab. Allāh Maha Bijaksana dalam menetapkan sebab-sebab yang ditetapkannya dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat, dan setiap makhluk telah diberikan kemudahan bagi mencapai apa yang telah ditetapkan baginya.

Seterusnya, dalam menghuraikan persoalan petunjuk (*al-Hudā*) dan kesesatan (*al-Ḍalāl*), Ibn al-Qayyim menegaskan bahawa pemberian petunjuk dan kesesatan hanya berasal dari Allāh Ta‘ālā semata, manakala kesesatan dan petunjuk itu sendiri merupakan perbuatan dan usaha (*kasb*) manusia. Pandangan ini secara tegas menolak fahaman Qadariyah yang secara mutlak menisbahkan petunjuk dan kesesatan kepada perbuatan manusia dan menafikan kehendak Allāh ke atasnya. Ia juga menolak fahaman Jabariyah yang menisbahkan secara mutlak petunjuk dan kesesatan kepada perbuatan Allāh serta menafikan kehendak dan pilihan manusia ke atasnya.

Adapun berkenaan dengan petunjuk (*al-Hudā*), Ibn al-Qayyim membahagikan peringkat hidayah kepada empat bahagian: **Pertama**, hidayah secara umum untuk kepentingan seluruh makhluk yang berhubungan erat dengan penciptaan yang mencakupi penyempurnaan (*al-Taswiyyah*) yang menurut beliau merupakan bukti dari kewujudan rububiyah, asma’, sifat-sifat serta keesaan Allāh Ta‘ālā. **Kedua**, hidayah yang bersifat penjelasan, seruan dan bimbingan yang merupakan hujjah Allāh untuk para hamba-Nya, dimana Dia tidak akan menyiksa mereka, kecuali setelah diberikan petunjuk, iaitu diutusnya Rasul Allāh kepada mereka. **Ketiga**, hidayah yang bersifat tawfik, ilham dan kehendak Allāh. Hidayah ini hanya milik Allāh, dan hanya diberikan kepada orang-orang yang berhak mendapatkannya. Hidayah ini diingkari oleh kumpulan Qadariyah, yang berpandangan bahawa ayat-ayat berkenaan dengannya haruslah

ditakwilkan dan ditafsirkan sesuai dengan tafsiran mereka. **Keempat**, hidayah menuju jalan ke syurga dan ke neraka di hari akhirat.

Sedangkan *al-Dalāl* (kesesatan), sepertimana yang disebutkan dalam al-Qur'an, iaitu *al-Khatm*, *al-Tab'* dan *al-Qufl* (penutupan) hati, penglihatan dan pendengaran manusia oleh Allāh Ta'ālā dan lain sebagainya yang menjadi penghalang keimanan, menurut Ibn al-Qayyim ialah merupakan bentuk hukuman Allāh untuk manusia di dunia. Manusia lah yang menciptakan sebab yang berupa kekufuran, kemaksiatan dan kemusyrikan, sedangkan Allāh yang menciptakan akibat yang berupa penutupan hati, telinga dan penglihatan mereka daripada keimanan. Oleh itu, penyesatan oleh Allāh itu wujud secara hakiki dan bukan majazi (metafora) sebagaimana yang ditakwilkan dan ditafsirkan para pengikut Qadariyah.

5.3 Saranan

Di dalam ruangan ini, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan:

Perbincangan yang berkaitan dengan masalah akidah, khususnya mengenai konsep qada' dan qadar perlu mendapatkan perhatian yang lebih banyak dari semua pihak. Ini kerana terdapat banyak kefahaman yang salah di masyarakat Islam dalam memahami konsep qada' dan qadar serta isu-isu yang dibahaskan di dalamnya. Oleh itu, pelbagai penyelidikan berkenaan dengan teks-teks yang berhubung kait dengan qada' dan qadar daripada karya ulama-ulama terdahulu yang mukhtabar hendaknya lebih banyak dijalankan, sehingga kefahaman yang sebenar mengenai konsep qada' dan qadar serta isu-isu dibahaskan di dalamnya dapat diwujudkan.

Terdapat beberapa isu lain yang berkaitan dengan permasalahan qada' dan qadar, dibahasakan Ibn al-Qayyim dalam kitabnya *Shifā' al-'Alīl*, yang menurut penulis sangat menarik serta bermanfaat untuk dikaji, namun kerana keterbatasan masa dan tenaga, penulis hanya menfokuskan pada beberapa perbahasan yang menjadi pilihan penulis. Untuk itu, dalam ruang ini, penulis mencadangkan untuk diadakan penyelidikan lanjutan mengenai kitab *Shifā'* karya Ibn al-Qayyim ini, sehingga keseluruhan pandangan-pandangan daripada pengarang dapat dikaji serta dianalisis dan seterusnya dapat diambil manfaatnya.

Penulis amat berharap supaya mereka yang berkemampuan dalam bidang penterjemahan kitab-kitab ilmu di dalam Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu, agar dapat mengusahakan penterjemahan kitab ini. Penulis yakin, umat Islam secara keseluruhannya dapat mengambil ikhtibar yang besar berdasarkan perbahasan tentang konsep qada' dan qadar serta isu-isu yang dibincangkan di dalam kitab ini.

5.4 Penutup

Penulis berharap konsep qada' dan qadar beserta isu-isu asas yang dibahasakan di dalamnya telah jelas dan dapat difahami, serta segala kekeliruan dan persoalan mengenainya dapat hilang dan berganti menjadi fahaman yang benar.

Setelah meneliti keseluruhan kajian ini, tidak dapat dinafikan lagi tentang kepentingan kefahaman yang sebenar dalam memahami konsep qada' dan qadar yang merupakan salah rukun iman yang enam. Apatah lagi, terdapat banyak rahsia Allāh di sebalik penetapan takdir-Nya, yang jika itu diyakini serta dihayati dengan benar, akan memberikan kemuliaan kepada individu, keluarga, masyarakat dan Negara.

Buat akhirnya, penulis amat berharap agar usaha yang sekelumit ini, dapat memberikan sumbangan dalam khazanah keilmuan, khususnya dalam bidang kajian akidah dan pemikiran Islam. Dengan hati yang terbuka, penulis bersedia menerima idea-idea, kritik dan saranan demi perbaikan dalam kajian ini yang memang sangat jauh dari kesempurnaan. Penulis memohon maaf di atas segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini dan semoga mendapat keampunan dari Allāh SWT.

